

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT, YAYASAN HIJRAH SELANGOR PERKUKUH PEMBANGUNAN USAHAWAN MENERUSI PROGRAM iTEKAD

Kuala Lumpur, 22 Julai 2026 - Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) semalam memeterai Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Yayasan Hijrah Selangor (YHS) bagi **memperkuh pelaksanaan Program iTEKAD, sekali gus memperluaskan sokongan kepada usahawan mikro, khususnya dalam kalangan golongan B40 dan asnaf di Selangor.**

Majlis pertukaran MoA tersebut berlangsung bersempena Pelancaran Aplikasi Dana Plus, disempurnakan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, Datuk Khairul Kamarudin serta Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Hijrah Selangor, Dato' Mearia Hamzah dan disaksikan oleh **YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor**, sebagai simbol komitmen bersama dalam memperkasa ekosistem keusahawanan negeri melalui akses pembiayaan, pembangunan kapasiti dan sokongan perniagaan yang lebih menyeluruh.

Melalui kerjasama strategik ini, Yayasan Hijrah Selangor akan mengenal pasti usahawan yang layak menyertai Program iTEKAD serta menyediakan kemudahan pembiayaan mikro, latihan keusahawanan, bimbingan perniagaan, program literasi kewangan dan pemasaran digital.

Bank Muamalat pula akan terus menyalurkan geran iTEKAD sebagai modal permulaan bagi membantu usahawan memperoleh peralatan dan kelengkapan perniagaan, di samping menyokong pembangunan kapasiti usahawan melalui latihan dan pemantauan.

Sejak Disember 2025 hingga Jun 2026, seramai **200 usahawan Yayasan Hijrah Selangor** telah diluluskan di bawah Program iTEKAD dengan jumlah peruntukan geran sebanyak **RM1 juta**. Selain menerima geran sebagai modal permulaan, para peserta turut ditawarkan pakej perlindungan takaful mampu milik melalui **PruBSN Takaful** bagi membantu melindungi mereka daripada risiko kewangan yang tidak dijangka.

Khairul berkata, kerjasama tersebut mencerminkan komitmen berterusan Bank Muamalat dalam memperkasa usahawan melalui pendekatan yang holistik, bukan sekadar menyediakan akses kepada pembiayaan, malah melengkapkan mereka dengan ilmu, kemahiran dan perlindungan kewangan bagi membina perniagaan yang mampan.

"Di Bank Muamalat, kami percaya kejayaan usahawan tidak hanya bergantung kepada modal, tetapi juga kepada bimbingan, ilmu dan ekosistem sokongan yang menyeluruh. Menerusi kerjasama dengan Yayasan Hijrah Selangor, kami berharap lebih ramai usahawan dapat meningkatkan daya saing, mengembangkan perniagaan dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri serta kesejahteraan masyarakat," katanya.

Bagi tahun 2026, Bank Muamalat dan Yayasan Hijrah Selangor menyasarkan seramai **400 usahawan** menyertai Program iTEKAD dengan peruntukan sebanyak **RM2 juta**. Secara keseluruhannya, kedua-dua pihak menyasarkan **1,000 usahawan** menerima manfaat menerusi Program iTEKAD menjelang Disember 2027, sekali gus memperluaskan impak program dalam melahirkan lebih ramai usahawan yang berdaya tahan dan berdaya saing.

Selain pelaksanaan Program iTEKAD, Bank Muamalat dan Yayasan Hijrah Selangor turut akan bekerjasama dalam melaksanakan **program pensijilan** halal kepada usahawan Yayasan Hijrah Selangor yang layak. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kompetensi, profesionalisme dan daya saing usahawan agar lebih bersedia mengembangkan perniagaan ke tahap yang lebih tinggi.

Majlis tersebut turut berlangsung sempena pelancaran **Dana Plus**, inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang menjadi platform utama bagi penyaluran peruntukan pembiayaan mikro berjumlah **RM32 juta** seperti yang diumumkan menerusi Belanjawan Selangor 2026 serta Pakej Pengukuhan Daya Tahan Selangor Fasa 2.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh akses pembiayaan kepada usahawan, mempercepat penyampaian perkhidmatan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Untuk maklumat lanjut berkenaan program iTEKAD di bawah Bank Muamalat, sila layari www.muamalat.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Muamalat berhampiran.

Tamat

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384

Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejajar dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.